

30/08/2003

Hujan tidak halang raptai perarakan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Walaupun hujan lebat pada hari terakhir raptai perarakan Hari Kebangsaan ke-46, namun 22,640 peserta perarakan tidak patah semangat dan terus membuat persembahan dan perbarisan dalam keadaan basah kuyup.

Acara di Dataran Putrajaya sepanjang 4.2 kilometer Boulevard yang menjadi laluan utama perarakan itu berjalan lancar walaupun hujan lebat mulai jam 9 pagi.

Sambil disaksikan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, acara diadakan mengikut jadual kecuali persembahan 20 pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terpaksa dibatalkan berikutan hujan.

Selain perbarisan yang disertai beberapa kontinjen pancaragam sekolah, agensi kerajaan dan kereta berhias, sambutan dimeriahkan Kumpulan Simfoni Rakyat yang menampilkan era kepemimpinan empat Perdana Menteri dalam persembahan me-reka.

Menggunakan lagu Malaysia Baru dan Wawasan 2020, persembahan itu turut diselitkan sajak Perjuangan Belum Selesai yang dihasilkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kumpulan Simfoni Rakyat membabitkan 3,000 ahli, Simfoni Gendang Rakyat Malaysia 2,000 ahli dan Kumpulan Tari serta koir 1,000 ahli.

Mereka terdiri daripada beberapa kumpulan negeri, profesional dan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Ketika ditemui pemberita, Abdul Kadir berkata, beliau berpuas hati dengan raptai dan meminta pelbagai lapisan masyarakat hadir beramai-ramai menyaksikan perbarisan dan perarakan sebenar Ahad ini.

"Saya yakin perarakan ini akan menjadi sesuatu yang luar biasa sesuai dengan hasrat kita memberikan penghargaan kepada Dr Mahathir," katanya sambil menambah dijangka kira-kira 300,000 pengunjung akan menyaksikan sambutan Ahad ini.

Hari Kebangsaan tahun ini yang sekali lagi membawa tema 'Keragaman Malaysia' adalah yang terakhir dihadiri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Abdul Kadir berkata, pihaknya menjemput 51 stesen televisyen dan kira-kira 300 wartawan serta petugas media luar negara untuk membuat liputan sambutan Hari Kebangsaan, termasuk acara Ambang Merdeka malam ini.

Mengenai acara Ambang Merdeka, beliau berkata, irama baru lagu Negaraku akan diperdengarkan buat pertama kali selepas jam 12 malam ini, iaitu selepas Dr Mahathir melaungkan ungkapan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali.

Irama baru lagu Negaraku itu sudah diperkenankan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail selaras Akta Lagu Kebangsaan 1968. Muzik lagu itu disusun semula oleh komposer Datuk Wah Idris dan mempunyai 'powerpack ending'.

"Kita harap, seluruh rakyat Malaysia tidak akan melepaskan peluang untuk bersama-sama, biarpun hanya menonton melalui televisyen bagi menyambut detik penuh bersejarah ini," katanya.